

PBT perlu patuhi syarat

BH - 9 NOV 2000

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas tindakan pihak berkuasa tempatan (PBT) tertentu, yang melewatkan pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki (CF) dengan menambah syarat kelulusan kepada pemaju.

Sehubungan itu, Jemaah Menteri yang membincangkan masalah itu secara mendalam hari ini mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan mematuhi syarat tujuh perkara dalam mengeluarkan CF, sebagai langkah memper-

cepatkan penyerahan rumah kepada pembeli.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata Dr Mahathir mengutarakan isu itu selepas menerima pelbagai aduan berhubung kelewatan pengeluaran CF.

Beliau berkata, walaupun arahan mengenai pengeluaran CF pernah dikeluarkan sebelum ini, jelas sekali ada pihak berkuasa tempatan yang cuba mengambil kesempatan terhadap pemaju berkenaan.

"Sehubungan itu, mesyuarat Kabinet sekali lagi

membincangkan masalah berkenaan dengan Perdana Menteri sendiri ingin tahu, mengapa pihak berkuasa tempatan tidak mengikut peraturan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran hartanah MAPEX 2000 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Pameran berkenaan anjuran Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), membabitkan 257 pemaju perumahan dengan nilai hartanah sebanyak RM11.2 bilion di seluruh negara.

Mengikut peraturan sedia ada, pihak berkuasa tempatan perlu mengeluarkan sijil kelayakan itu jika bangunan yang siap dibina memenuhi semua syarat teknikal ditetapkan.

Antara syarat itu ialah struktur bangunan disahkan selamat, mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat serta disediakan kemudahan elektrik, air dan perkhidmatan pembeutangan.

Sijil berkenaan mesti dikeluarkan walaupun pemaju tidak memenuhi sya-

keluarkan CF

rat lain seperti pembinaan rumah kos rendah atau masih berhutang dengan majlis atau kerajaan negeri.

Bagaimanapun, Ong berkata kementerian mendapati ada majlis tempatan mengenakan syarat tambahan kepada pemaju, walaupun tujuh syarat teknikal asas sudah dipenuhi.

"Ada pihak berkuasa tempatan yang meminta pemaju membuat sumbangan tambahan, seperti membina longkang dan tanaman lanskap. Ada yang memaksa pemasangan meter letak kereta dan se-

bagainya.

"Semua ini tidak perlu ia tidak terkandung dalam peraturan pengeluaran CF," katanya.

Beliau berkata, dakwaan kononnya pihak berkuasa tempatan dikendalikan kerajaan negeri dan perlu mematuhi garis panduan berbeza sebenarnya tidak timbul kerana syarat tujuh perkara itu dipersetujui semua pihak sebelum ini.

"Mesyuarat Majlis Kerajaan Tempatan juga sudah meluluskan syarat berkenaan. Tidak ada syarat lain

perlu dikemukakan jika tujuh syarat itu sudah dipenuhi pemaju," katanya.

Kementerian berkenaan menerima 150 aduan mengenai kelewatan pemaju mendapatkan CF, iaitu 7.5 peratus daripada keseluruhan jumlah aduan yang diterima tahun lalu.

Selangor menerima aduan paling tinggi iaitu 61 kes, Wilayah Persekutuan (38), Pulau Pinang (13), Johor (12), Negeri Sembilan (11), Perak (sembilan), Melaka (tiga) serta Kedah dan Pahang, masing-masing satu.